

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)**

AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 06 FEBRUARI 2016

MBSA komited utamakan kebersihan

Sumbang 100 tong sampah percuma sebagai sebahagian khidmat sosial PBT itu

SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) terus komited dalam usaha memastikan komuniti bandar raya ini mengutamakan aspek kebersihan persekitaran kediaman mereka.

Bagi tujuan itu, MBSA turut menyediakan sumbangan tong sampah percuma sebagai sebahagian daripada khidmat sosial bagi mendidik dan menggalakkan penduduk membuang sampah dengan cara lebih tersusun.

Komuniti penduduk rumah teres dua tingkat Seksyen 24A, di sini antara sebahagian warga Shah Alam yang bertuah menikmati kemudahan tong sampah percuma itu.

Lebih manis lagi apabila penyerahan sumbangan tong sampah percuma itu disampaikan sendiri Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Ahmad Zaharin Mat Saad, kelmarin.

Hadir sama, Adun Batu Tiga, Rodziah Ismail; Adun Kota Anggerik, Yaakob Sapari dan Pengerusi Kawasan Rukun Tetangga (KRT) taman berkenaan, Mohamad Abu Bakar.

Sebanyak 100 tong sampah disumbangkan kepada penduduk taman perumahan berkenaan.



Ahmad Zaharin dan Rodziah (kanan) menerangkan sesuatu mengenai tong sampah yang diberikan kepada penerima.



AJK KRT taman perumahan itu sempat bergambar kenangan bersama Yaakob (dua kiri).